

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
24 MEI 2024**

**PERKARA : 5(B)24**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB MUHAMMAD FAUZI BIN YUSOFF**

24. Senaraikan keuntungan/kerugian tahunan PBA dari tahun 2020 sehingga tahun 2023.
- (a) Apakah rasional PBA menaikkan tarif air sehingga 200 peratus yang membebankan rakyat?
- (b) Bolehkah bacaan meter air dibuat sebulan sekali supaya kebocoran yang berlaku dapat dikesan lebih awal dan kurangkan bebanan rakyat semasa bayar bil?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Jumlah kadar keuntungan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) (*Profit after Tax – PAT*) bagi tahun 2020, 2021, 2022 dan 2023 adalah seperti berikut:

Tahun	2020	2021	2022	2023
<b>Keuntungan (RM Juta)</b>	34.21	44.03	77.89	34.32

- (a) Kerajaan Negeri mengambil maklum keluhan berkenaan dengan peningkatan kadar tarif air baharu. Untuk makluman,

kali terakhir semakan tarif air bagi Band 1 dilakukan adalah pada tahun 1993 iaitu 31 tahun dahulu, manakala bagi Band lain pada tahun 2015 iaitu 9 tahun dahulu. Hakikatnya, kadar tarif air lama tidak dapat menampung kos Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan pembangunan infrastruktur bekalan air yang amat diperlukan.

Harus juga diingati bahawa tarif asal adalah pada kadar yang amat rendah, maka apa-apa kenaikan dari segi peratusan akan nampak besar. Namun begitu, dari segi kenaikan mutlak ia tidak begitu tinggi. Kini, kadar purata bagi 35 meter padu pertama ialah RM0.85 per meter padu, berbanding dengan purata kebangsaan iaitu RM1.00 per meter padu. Dengan kenaikan terbaru ini, tarif air negeri Pulau Pinang masih lagi antara yang terendah di Malaysia. Malah, hampir separuh daripada pengguna air domestik di negeri Pulau Pinang tergolong dalam kategori Band 1 yang hanya membayar bil minima RM12.40 setiap dua (2) bulan yang bersamaan dengan RM0.20 sehari. Manakala pengguna Band 2 pula akan membayar bil dalam julat RM26.97 sehingga maksimum RM59.90. Pengguna-

pengguna dalam Band 1 dan 2 ini merangkumi 77.9% daripada jumlah pengguna air domestik di negeri Pulau Pinang.

Kenaikan tarif ini untuk memastikan PBAPP mempunyai aliran tunai yang mencukupi untuk menampung keperluan operasi dan pembangunan infrastruktur bekalan air. Antara projek pembangunan infrastruktur bekalan air segera yang telah dan akan dibangunkan adalah seperti berikut:

- (i) Pelan Kontingensi Air PBAPP 2030 (WCP 2030) mengunjurkan untuk meneroka tiga sumber air mentah sekunder tambahan (Empangan Mengkuang yang diperbesarkan, Sungai Kerian dan Sungai Perai) serta meningkatkan kapasiti rawatan air di Seberang Perai dan kapasiti pengepaman air terawat ke bahagian pulau. Anggaran kos keseluruhan Pelan Kontingensi Air PBAPP 2030 (WCP 2030) adalah RM1.18 Bilion;
- (ii) Saluran Paip Sungai Perai 1,350mm baharu yang “melintasi Sungai”;
- (iii) Tambahan saluran paip 400 juta liter sehari (JLH) untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran Empangan

Mengkuang yang diperbesarkan kepada 1,000 JLH untuk meminimumkan ancaman kemalangan Sungai Muda pada masa hadapan; dan

- (iv) Projek saluran paip dan penggantian saluran paip untuk mengelakkan gangguan bekalan air tidak berjadual dan mengurangkan kehilangan air tidak berhasil (NRW).

Malah jumlah subsidi air domestik yang ditanggung oleh PBAPP pada tahun 2023 sahaja adalah sebanyak RM116 juta dan pemberian subsidi ini masih berterusan walaupun tarif air baharu berkuatkuasa.

- (b) PBAPP telah melaksanakan analisa berkaitan dengan pengebilan secara bulanan dan mendapati jumlah bil air adalah sama atau lebih rendah apabila pengebilan dibuat secara dwi-bulanan berbanding pengebilan secara bulanan dan kaedah ini lebih memberi faedah kepada pengguna dengan penjimatan lebih kurang RM10-15 mengikut jumlah penggunaan. Kaedah pengiraan pelarasan tarif baharu adalah seperti **LAMPIRAN A** untuk rujukan. Pengebilan secara bulanan juga akan memberi implikasi kepada aliran tunai

PBAPP dengan peningkatan kepada kos operasi termasuk kos tenaga pekerja, cetakan bil dan kos-kos lain yang berkaitan.